

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**

KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim diputerakan pada 22 November 1958, di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Baginda merupakan putera sulung kepada Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail dan Almarhumah Enche' Besar Hajah Khalsom Binti Abdullah.

Seri Paduka Baginda mula mendapat pendidikan asas di Taman Didikan Kanak-Kanak Tunku Ampuan Mariam, Johor Bahru sebelum memulakan persekolahan di Sekolah Temenggong Abdul Rahman (1) Johor Bahru.

Seri Paduka Baginda kemudian melanjutkan pelajaran di Trinity Grammar School, Sydney, Australia pada tahun 1968 hingga 1970, sebelum meneruskan pelajaran menengah di English College (Maktab Sultan Abu Bakar) dari tahun 1971 hingga 1975. Baginda turut mendapat pendidikan agama di Sekolah Agama Ayer Molek, Johor Bahru.

Kepemimpinan Seri Paduka Baginda terserlah selepas melibatkan diri di dalam aktiviti ketenteraan yang turut dijadikan asas bagi membina semangat juang, disiplin serta perwatakan yang berwibawa.

Sultan Ibrahim menjalani latihan asas ketenteraan selama enam bulan di Pusat Latihan Darat (PULADA), sebelum meneruskan latihan "Airborn and Infantry Officers Basic Course" di US Army Infantry School, Fort Benning dan John F. Kennedy Special Warfare Center and School di Fort Bragg, Amerika Syarikat bagi kursus "Special Forces Officers Course".

Semasa menjalani kedua-dua kursus ini, Sultan Ibrahim telah melakukan 11 penerjunan payung terjun dari pesawat pada waktu siang, dan lapan terjunan pada waktu malam, yang melayakkan Seri Paduka Baginda dianugerahkan "sayap" sebagai seorang komando. Lebih membanggakan apabila Seri Paduka Baginda turut ditauliahkan sebagai anggota pasukan US SEAL (tentera darat, laut dan udara).

Sultan Ibrahim juga melakukan beberapa penerjunan di Bandung, Indonesia yang membawa pentauliahkan sebagai ahli kehormat Komando Pasukan Khusus (KOPASSUS), Indonesia.

KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong turut menjalani latihan juruterbang helikopter bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan menerima sayap pada 26 April 1982 daripada Almarhum Sultan Iskandar.

Seri Paduka Baginda juga menjalani latihan tentera laut di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Lumut, Perak pada tahun 1982 sekali gus melengkapkan Baginda sebagai pegawai tentera darat, laut dan udara yang berkemahiran.

Bagi mengimbangi latihan ketenteraan dan menjadi seorang Raja yang berwibawa dan dihormati, Sultan Ibrahim meneruskan pelajaran di Fletcher School of Law and Diplomacy di Boston, Massachusetts,

Amerika Syarikat di mana Seri Paduka Baginda melengkapinya dengan dua kursus iaitu 'Southeast Asian Strategic Studies' dan 'International Law of the Seas'.

Sultan Ibrahim pernah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Johor dan ditempatkan di pelbagai jabatan bagi mempelajari aspek-aspek pengurusan serta selok-belok pentadbiran negeri.

Antara jabatan yang pernah Baginda berkhidmat adalah di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Perbendaharaan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, serta Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian.

Seri Paduka Baginda dimasyhurkan sebagai Tunku Mahkota Johor pada 3 Julai 1981. Pada 22 September 1982, Baginda diijab kabulkan bersama KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah dan mendirikan rumah tangga di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru pada tahun 1983 selepas Tuanku Raja Zarith Sofiah menamatkan pelajaran ijazah di United Kingdom. Pasangan Diraja ini dikurniakan lima orang putera dan seorang puteri.

Semangat dan nilai-nilai kebertanggungjawaban serta dedikasi kepada tugas telah diterapkan dalam diri Sultan Ibrahim sejak usia muda oleh ayahanda Baginda, Almarhum Sultan Iskandar. Malah, nenda Baginda, Almarhum Sultan Ismail turut banyak menurunkan bimbingan dan ilmu bagi membentuk cucundanya menjadi seorang Raja yang berwibawa.

Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah, sejak mendirikan rumah tangga, tidak pernah menganggap tanggungjawab kepada rakyat jelata sebagai beban, malah sentiasa melaksanakannya dengan penuh amanah dan ikhlas, di samping mengimbangi tanggungjawab Seri Paduka Baginda berdua kepada keluarga.

Pada 25 April 1984 hingga 25 April 1989, Sultan Ibrahim sebagai Tunku Mahkota Johor ketika itu, telah dilantik sebagai Pemangku Sultan semasa Almarhum Sultan Iskandar menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-8.

Baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Johor pada 23 Januari 2010 selepas kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar, dan dimahkotakan pada 23 Mac 2015.

His Majesty Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar was born on 22nd November 1958 at the Sultanah Aminah Hospital in Johor Bahru, and is the eldest son of Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail and Almarhumah Enche' Besar Hajah Khalsom Abdullah.

His Majesty received his early education at Taman Didikan Kanak-kanak Tunku Ampuan Mariam, before he was enrolled into Sekolah Temenggong Abdul Rahman (1) for primary school.

His Majesty was then sent to the Trinity Grammar School in Sydney, Australia from 1968-1970 before returning to Johor Bahru for his secondary education at English College (Maktab Sultan Abu Bakar) from 1971 to 1975. His Majesty also received religious education at Sekolah Agama Ayer Molek in Johor Bahru.

From an early age, Sultan Ibrahim displayed great character and leadership qualities when undergoing military training to establish the foundations for courage, discipline and resilience required for his role later in life.

His Majesty began training in the Young Officers Tactical Course at the Malaysian Army Training School (PULADA) in Kota Tinggi, where he was made a platoon commander, before participating in the Airborne and Infantry Officers Basic Course at the United States (US) Army Infantry School, Fort Benning.

His Majesty also underwent a Special Forces Officers Course at the John F. Kennedy Special Warfare Centre and School in Fort Bragg. During both courses, Sultan Ibrahim successfully completed 19 parachute jumps, eight of which were executed at night, earning him the prestigious Green Beret and his wings.

His Majesty is also recognised as a US SEAL (sea, air and land) member and an honorary member of the Indonesian Red Beret (KOPASSUS) after making several successful parachute jumps in Bandung, Indonesia.

Upon his return to Johor, His Majesty underwent helicopter pilot training with the Royal Malaysian Air Force (RMAF), and received his wings from his father, Sultan Iskandar, at a passing out parade on the 26th of April 1982 where the former was the parade commander.

HM Sultan Ibrahim then completed a three-month officers training stint with the Royal Malaysian Navy (RMN) at its base in Lumut, Perak in 1982 - making him a fully trained army, navy and air force officer.

To complement his military education and to groom him into a just and respectable Ruler, His Majesty continued his quest for knowledge at the Fletcher School of Law and Diplomacy in Boston, Massachusetts, USA where he completed two courses - Southeast Asian Strategic Studies and International Law of the Seas.

HM Sultan Ibrahim also served the Johor State Government in several offices where he acquired knowledge on the intricacies of administration and management as a prelude to his role as a Ruler.

Among the departments where His Majesty served include the State Secretary's Office, State Treasury, Urban and Rural Planning Department, Forestry Department as well as Agriculture Department.

HM Sultan Ibrahim was appointed Heir and proclaimed as the Crown Prince of Johor on the 3rd of July 1981.

On the 22nd of September 1982, His Majesty was betrothed to HM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah of Perak, and they began married life at Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru in 1983, after HM Raja Zarith Sofiah graduated from her studies in the United Kingdom.

The royal couple were blessed with six children - five princes and one princess. Sultan Ibrahim's deep sense of duty and dedication to his responsibilities are well ingrained thanks to the guidance of his father, Almarhum Sultan Iskandar as well as the nurturing values passed down from his grandfather, Almarhum Sultan Ismail to groom His Majesty into a revered Ruler.

From the very beginning of their marriage, His Majesty and HM Raja Zarith Sofiah have never thought of their duties to the people as a burden. Instead, they wholeheartedly embrace their responsibilities to this day, whilst also balancing their commitments to raising their family.

When Sultan Iskandar was appointed as the 8th Yang di-Pertuan Agong from 25th April 1984 to 25th April 1989, His Majesty was made the Regent of Johor, carrying out the duties of a sovereign.

Upon the demise of his father, Sultan Ibrahim was proclaimed the Sultan of Johor on the 23rd of January 2010, followed by his official coronation on 23rd March 2015.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
RAJA ZARITH SOFIAH**

KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah telah diputerakan pada 14 Ogos 1959 di Hospital Batu Gajah, Perak. Baginda merupakan puteri kedua dan anakanda ketiga kepada Almarhum Sultan Perak, Paduka Seri Sultan Idris Shah II dan Almarhumah Raja Perempuan Perak, Raja Perempuan Muzwin Binti Almarhum Raja Dato' Sri Ariff Shah.

Apabila Almarhum Sultan Idris Shah II menaiki takhta sebagai Sultan Perak pada tahun 1963, Baginda sekeluarga mula bersemayam di Istana Iskandariah, Bukit Chandan.

Seri Paduka Baginda telah menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Datin Khadijah, Kuala Kangsar dan kemudiannya menyambung pendidikan menengah Baginda di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Kalsom, juga di Kuala Kangsar, Perak.

Pada bulan September 1972, Raja Zarith Sofiah telah menyambung pelajaran di Cheltenham Ladies' College, England. Pada tahun 1979, Seri Paduka Baginda mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Somerville College, University of Oxford, sehingga dikurniakan Ijazah 'Bachelor of Arts in Chinese Studies' pada tahun 1983.

Seri Paduka Baginda mewarisi minat dan bakat seni ayahanda Baginda terutamanya dalam seni lukis. Baginda pernah menyertai beberapa pameran seni seperti pameran Galeri Seni Yayasan Warisan Johor (2003) dan pameran seni anjuran Maybank Kuala Lumpur yang memberi penghormatan kepada tiga generasi seniman Johor (2004).

Seri Paduka Baginda juga merupakan seorang penulis yang prolific dan pernah mempunyai ruang akhbar khusus iaitu 'On Common Ground' untuk New Straits Times dan 'Mind Matters' untuk The Star. Baginda turut pernah menulis empat buah buku kanak-kanak pada tahun 1995.

Pada 22 September 1982, Raja Zarith Sofiah diijab kabulkan bersama KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, yang bergelar Tunku Mahkota Johor ketika itu, dan mendirikan rumah tangga di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru pada tahun 1983 selepas Raja Zarith Sofiah menamatkan pelajaran ijazah di United Kingdom. Pasangan Diraja ini telah dikurniakan 6 cahaya mata: 5 orang putera dan seorang puteri.

Semangat dan nilai-nilai kebertanggungjawaban serta dedikasi kepada tugas Diraja sememangnya telah sebatu di dalam sanubari Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah yang tidak pernah jemu melaksanakan tanggungjawab Seri Paduka Baginda berdua kepada rakyat jelata dengan penuh amanah dan ikhlas.

Sejak dari awal perkahwinan, setiap minggu akan dipenuhi dengan lawatan atau kunjungan ke daerah-daerah di negeri Johor bagi menyantuni rakyat atau bertemu dengan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Seri Paduka Baginda telah dikurniakan gelaran Permaisuri Johor sempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Ibrahim pada 23 Mac 2015. Selaku Permaisuri Johor, Baginda banyak terlibat dalam organisasi amal dan Badan-badan Bukan Kerajaan (atau NGO). Seri Paduka Baginda merupakan Penasihat Diraja kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia; Pengerusi Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor dan Pengerusi Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor.

KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong juga menunjukkan minat tinggi terhadap bidang akademik dan merupakan Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Aspek kebajikan rakyat Johor sentiasa dititikberatkan oleh Seri Paduka Baginda, khususnya bagi golongan B40. Keprihatinan ini telah mengilhamkan pelancaran program Bangsa Johor Bahagia pada 17 Mac 2019.

Komitmen dan usaha Raja Zarith Sofiah yang berterusan dan pelbagai ke arah menambah baik taraf hidup masyarakat telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila dianugerahkan ijazah kehormat daripada University of Nottingham pada tahun 2017.

Seri Paduka Baginda juga sering dijemput sebagai pengucaptama di persidangan akademik di dalam dan luar negara. Yang terbaharu, Seri Paduka Baginda menyampaikan ucaptama di Persidangan Meja Bulat OCIS-UTM bertemakan "Imagining the Future: Climate Change, Health and Food Security in Muslim Societies" anjuran UTM dan Oxford Centre of Islamic Studies (OCIS) pada Mei 2023.

Her Majesty Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah was born on 14th August 1959 at the Batu Gajah Hospital in Perak. Her Majesty is the second daughter and third child of the late Sultan of Perak, Almarhum Paduka Seri Sultan Idris Shah II, and his consort Raja Perempuan Perak, Almarhumah Raja Perempuan Muzwin Binti Almarhum Raja Dato' Sri Ariff Shah.

When Almarhum Sultan Idris Shah II ascended the throne as the Sultan of Perak in 1963, the Perak Royal Family moved into Istana Iskandariah in Bukit Chandan.

HM Raja Zarith received her primary education at the Datin Khadijah School in Kuala Kangsar and continued her secondary education at the Raja Perempuan Kalsom School, also in Kuala Kangsar. In September 1972, she furthered her studies at the Cheltenham Ladies' College in England. In 1979, Her Majesty enrolled into Somerville College at the University of Oxford. She graduated with a Bachelor of Arts in Chinese Studies in 1983.

HM The Queen inherited a love for painting from her father, and has taken part in a few art exhibitions. They include an art exhibition held at the Yayasan Warisan Johor Art Gallery in 2003; another organized by Maybank Kuala Lumpur in April 2004, honouring three generations of Johor artists.

Her Majesty is also a prolific writer and had her own newspaper columns - 'On Common Ground' in the New Straits Times and 'Mind Matters' in the Star. Her Majesty had also authored four children's books in 1995.

HM Raja Zarith Sofiah was betrothed to His Majesty Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, King of Malaysia, on 22 September 1982, whilst he was, at the time, the Crown Prince of Johor. The royal couple began married life in 1983 at Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru after HM Raja Zarith Sofiah graduated from her studies in the United Kingdom. Their Majesties are blessed with six children - five princes and a princess.

Their Majesties' deep sense of dedication to their royal responsibilities have been their hallmark, and they have never wavered in executing their duties with sincerity.

Weekly engagements with the people and local community leaders, as well as visits to various Johor districts have been the norm since the beginning of their marriage.

Her Majesty was accorded the title "Permaisuri of Johor" at the Coronation of both the Sultan and herself on the 23rd of March 2015. As the Permaisuri, Her Majesty works with many charitable organizations and NGOs. She is the Royal Advisor of the Malaysia Red Crescent; Chairman of the Raja Zarith Sofiah of Johor Foundation and Chairman of the Tunku Laksamana Johor Cancer Foundation.

The Queen also has a keen interest in academia and is currently the Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Concerned for the welfare and wellbeing of the people of Johor, especially those in the B40 category, the “Bangsa Johor Bahagia” programme was launched on the 17th of March 2019 under Her Majesty’s supervision and strong support.

Her Majesty’s continued commitment and efforts towards the improvement of society’s quality of life gained international recognition when she was conferred an honorary degree from the University of Nottingham in 2017.

HM Raja Zarith Sofiah is also keenly sought after to give keynote addresses at academic conferences locally and abroad. Most recently, in May 2023, Her Majesty spoke at the OCIS-UTM Science Roundtable themed “Imagining the Future: Climate Change, Health and Food Security in Muslim Societies”, organised by UTM and the Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS).